

# Kejujuran dan Keikhlasan Pada Perkataan dan Perbuatan

(oleh: Muhammad Abu Zahrah)

Dimelayukan oleh Kasba

1. Rasulullah (S.A.W) telah bersabda:

*“Man aḥabba lillāhi, wa abghaḍa lillāhi, wa a’ā lillāhi, wa mana’a lillāhi*

*faqad istakmala al-’īmān”*

Maksudnya: “Barang siapa yang bersifat; kasih, benci, memberi dan menegah dari memberi sesuatu semata-mata kerana Allah maka sempurnalah keimanannya.”

Inilah asas kejujuran dan keluhuran dalam Islam, iaitu kejujuran dan keluhuran seseorang manusia, dan yang menjadi kewajipan serta impian seorang mukmin yang mempunyai niat dan tujuan yang bersih daripada diruntuni oleh hawa nafsu baik dalam pekerjaan dan tutur katanya, yang juga hati nuraninya dan sudut dalam hidupnya melainkan ke arah kebaikan tidak sedikit tertumpu dan menuju ke sesuatu arah yang memang sudah diakui kebaikannya, dan tidak ia menghendaki pengharapan dan pengurniaan dalam hidupnya melainkan keredhaan Allah semata-mata.

Sesuatu motif dan tujuan yang diasaskan kepada kesucian dan kemurnian itu dapat menghasilkan pekerjaan yang lurus yang tidak ada penyimpangan di dalamnya serta dapat menambah kata-kata yang benar dan tidak ada keraguan padanya, juga dapat merintis jalan kemanusiaan yang sentiasa mendapat cahaya pertunjuk dari Tuhan, semoga dengan cara dan jalan yang begitu

bentuk dan sifatnya tertempalah bagi orang mukmin itu

kebijakan dan kebaikan dalam semua lapangan hidupnya.

Andainya kurang adanya asas kejujuran itu, maka turut berkurangan pulalah kebijakan yang akan dihasilkannya, sekalipun kelihatan ia berjaya dalam pekerjaan itu, dengan adanya kebengkokan dan penyimpangan motif dan tujuan maka kejayaan perjalanan yang dijalannya itu adalah merupakan jalan kemusnahan dan kehancuran, andai kata terciptalah perpaduan masyarakat dengan cara dan jalan yang diambilnya, itu adalah merupakan persengketaan dan perpecahan belaka, menurut falsafah dan pengajaran Islam sesuatu hala dan tujuan yang baik yang disertai dengan kejujuran dan keluhuran akan memancar ke dalam hati, sanubari cahaya kebenaran, dan ke dalam akal fikiran suatu daya pendorong yang akan membawa ke jalan kebaikan yang mendapat pertunjuk, serta meresap ke dalam lidah itu ilmu pengetahuan dan falsafah yang akan dapat didengari dari tutur katanya, jikalau hati, perbuatan dan lidah, beginilah bentuk dan sifatnya, maka tidaklah dapat diragui lagi bahawa sesuatu pekerjaan itu akan dapat membuahakan kebaikan dan kebijakan, dan jalan yang dijalannya itu merupakan jalan yang tegak lurus, dan akan terciptalah suatu masyarakat yang kuat lagi berpadu, dengan corak dan bentuk yang begini rupanya

baharulah dapat manusia melaksanakan dan mempraktikkan perintah Allah yang menghendaki agar manusia memperhubungkan pertalian kasih sayang di antara satu sama lain.

2. Junjungan kita Muhammad (S.A.W) menggantungkan dan mendasarkan ketentuan sesuatu pembalasan dan ganjaran segala pekerjaan itu dari niat dan tujuan pelaksanaan kerja-kerja itu, sebagaimana sabdanya:

*“Innamā al-a‘amālu bi al-niyyātī, wa innamā li kulli imri‘in mā nawā, fa man kānat hijratuhu lillāhi<sup>1</sup> wa rasūlihi, fa hijratuhu ilā Allāhi wa rasūlihi, wa man kānat hijratuhu li dunyā yuṣībuhā awi imra‘atin yankihuhā, fi hijratuhu limā<sup>2</sup> hājara ilayhi.”*

Yang bermaksud: “Semua pekerjaan itu bergantung kepada niat, tiap-tiap orang mendapat ganjaran dari apa yang diniatinya, barang siapa yang melakukan berpindahan kerana Allah dan Rasul-Nya, maka kepada Allah dan Rasullah berpindahan itu, dan barang siapa yang melakukan berpindahan kerana satu-satu kepentingan keduniaan atau kerana perempuan yang akan dikahwininya, maka balasan berpindahan itu bergantunglah kepada tujuan itu sendiri.

Ulama-ulama tasawuf telah membuat ketentuan bahawa bentuk sesuatu pekerjaan sama ada baik atau jahat tidak boleh diukur dari hasil pekerjaan itu sahaja, malah diukur dari kemurnian tujuan dan kesucian hati. Ulama-ulama fikah pula membuat kesimpulan iaitu pahala dan dosa itu bergantung kepada hati, pendapat ini didasarkan kepada sabda Nabi Besar yang berbunyi:

*“al-ithmu mā hāka fī al-nafsi, wa karihta an yaṭṭali ‘a ‘alayhi al-nāsu, fa istafti qalbika, wa in aftāka al-nāsu wa aftūka”<sup>3</sup>*

Yang bermaksud: “Dosa itu ialah barang terguris dan menyayat hati, sangat cemas dan benci sekali engkau kalau ianya dilihat orang, tanyalah hati engkau sendiri, sekalipun berlainan dari apa yang difatwakan orang ramai.”

Setengah ulama fikah telah membuat perumpamaan yang indah sekali yang menerangkan kepentingan niat dalam satu-satu pekerjaan itu, iaitu dimisalkan dengan seorang lelaki yang sedang nyenyak tidur, disampingnya ada seekor ular yang bisa, tiba-tiba datang seterusnya apabila dilihatnya lelaki itu tidur dengan banyaknya terlintaslal dalam hatinya hendak membunuh lelaki itu dengan panah sambil berpura-pura membunuh ular, berbetulan panahnya itu mengenai ular. Lelaki yang membunuh ular itu mendapat dosa sebagai pembunuh juga walaupun ia telah berjaya menyelamatkan lelaki yang tidur itu dari patukan ular, kerana niatnya yang curang itu. Atau datang sahabatnya, dilihatnya di samping sahabatnya yang sedang tidur, seekor ular yang sangat bisa, cemas hatinya, dengan tidak berkira banyak dihalanya panah ke arah ular itu, entah macam mana menyimpang anak panahnya lalu mengenai sahabatnya lalu mati, maka orang ini beroleh pahala kerana niatnya hendak menyelamatkan sahabatnya, tidaklah ia beroleh dosa sebagai pembunuh, banyak lagi perumpamaan-perumpamaan lain dalam hal ini yang telah dibuat oleh sarjana-sarjana ilmu fikah untuk menerangkan kedudukan niat ini.

Junjungan kita pernah mengatakan, tidak ada pahala dan pembalasan bagi orang yang keluar ke medan peperangan kerana tujuan supaya dikenali orang yang ia seorang penunggang kuda ulung dan mengkagumkan, begitu

<sup>1</sup> Dalam teks Qalam bertulis *lillāhi* sedangkan ayat sebenarnya ialah *ilā Allāhi*

<sup>2</sup> Dalam teks Qalam bertulis *limā* sedangkan ayat sebenarnya ialah *ilā mā*

<sup>3</sup> Hadith ke-27 Imam Nawawi yang telah diringkaskan oleh penulis.

juga tidak mendapat pahala orang yang bersedekah dan berderma supaya dipuji dan dikata orang yang dia seorang yang berbudi dan dermawan . . . . dan seterusnya. Pernah pula beliau bersabda:

*“Man ṣallā yurā’ī, faqad ashrak, wa man ṣāma yurā’ī faqad ashrak, wa man taṣaddaqa yurā’ī, faqad ashrak”*

Yang bermaksud: “Barang siapa yang bersembahyang, berpuasa dan bersedekah dengan berpura-pura (riyak) maka ia telah menyekutukan Tuhan.”

3. Kejujuran dan keikhlasan itu merupakan cahaya dan sinaran yang terlalu umum, yang meliputi semua urusan pekerjaan dan tidak terkhas dan tertentu. Dengan sebab itu setiap orang yang hendak melakukan sesuatu pekerjaan, wajib dan mestilah mendasarkan kerjanya kerana Allah semata-mata. Bagi menerangkan keikhlasan itu Rasulullah (S.A.W) bersabda:

*“Lā yu’minu aḥadukum ḥatta yuḥibbu al-shay’ lā yuḥibbuhu illā Allāh”*

Maksud: “Tidak sempurna keimanan salah seorang dari kamu, selagi dan selama ia belum dapat mengasihi sesuatu semata-mata kerana Allah.”

Sekiranya seseorang yang mempunyai keinginan hendak melakukan satu-satu pekerjaan, seyogialah baginya memeriksa hatinya supaya ketara kepadanya tujuan-tujuan yang tersimpul didalamnya. Adakah tujuannya melakukan kerja itu untuk mencapai atau untuk mendapatkan kemegahan atau untuk mencari nama yang bersifat keduniaan yang akan kembali kepada dirinya semata-mata atau semata-mata untuk mendapat kurniaan dan anugerah yang akan megahinya, atau pun untuk faedah umum yang memang dituntuti Allah. Sekiranya dilakukan

semua itu berdasarkan tujuan yang pertama tadi, maka percumalah sahaja pekerjaannya itu kerana tidak mendapat apa-apa pahala dan ganjaran, sebaliknya jika dilakukan itu untuk tujuan menghasilkan niatnya yang kedua, maka itu adalah wajar dilakukan oleh orang-orang yang ingin mendapat pembalasan dan ganjaran dari Tuhan dalam semua pekerjaannya.

Memang sudah menjadi kenyataan yang tidak dapat disangkal lagi bahawa dalam Islam ibadah itu tidak tertentu kepada sembahyang, puasa dan haji sahaja, malah selain dari ibadah yang menjadi tanggungjawab ini yang tidak harus diabaikan oleh setiap orang-orang mukmin iaitu berbuat ibadat dalam semua lapangan dan jurusan, maka setiap patah kata yang dituturkannya itu menjadi ibadah sekiranya pengucapannya itu untuk tujuan yang baik atau bertujuan mendamaikan perselisihan dan persengkataan di antara manusia, atau menunjukkan jalan kepada orang yang sesat, atau memandu dan memimpin manusia ke jalan yang benar, semuanya ini tersimpul ke dalam firman Tuhan yang berbunyi:

*“ilayhi yaṣ’adu al-kalimu al-ṭayyibu wa al-‘amalu al-ṣāliḥu”*  
surah Fāṭir ayat 10.

Maksudnya: “Kepadanyalah kembali segala perkataan-perkataan yang baik dan pekerjaan yang mulia.”

Sungguh besar erti dan nilainya perkataan itu, kerana ia boleh membuat dan menghasilkan sesuatu yang baik dan berharga sebagaimana firman Tuhan dalam al-Qur’ān:

*“Alam tarakayfa daraba. Allāhu mathalan kalimatan ṭayyibatun ka shajaratin ṭayyibatin aṣluhā thābitun wa far’uhā fī al-samā’, tu’ī ukulāhā*

*kulla hīni bi idhni rabbihā wa yaḍribu Allāhu al-amthāla li al-nāsi*  
*la ‘allahum yatadhakkarūn’* Surah Ibrāhīm ayat 25<sup>4</sup>.

Maksudnya: “Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhan membuat misal perbandingan, tutur kata yang baik, adalah seumpama seponon kayu yang baik, akarnya tegak teguh ke dalam bumi, dan dahan rantingnya menjulung ke langit, mengeluarkan hasil setiap masa dengan izin Tuhan, begitulah caranya Tuhan membuat perumpamaan, moga-moga manusia sentiasa sedar dan ingat.”

Sekiranya tutur kata yang dikeluarkannya itu untuk tujuan menyalakan fitnah dan pesona di antara sesama manusia, atau pun untuk mencari pangkat atau kepentingan diri dari orang yang berkuasa di dunia ini, atau hendak mengampu-ngampu orang-orang yang berpangkat, atau bertujuan untuk menyakitkan orang yang lemah, maka semuanya itu merupakan kejahatan, sekalipun tidak terlaksana dan tercapai hajatnya, tidaklah terlepas ia daripada perhitungan dosa kerana mengeluarkan kata-kata itu. Sangat cocok dan tepat sekali firman Tuhan yang berbunyi:

*‘Wa mathalu kalīmatin khabīhatin ka shajaratin khabīhatin ijtuthat min fawqi al- ‘arḍi mā lahā min qarār; yuthabbitu Allāhu al-ladhīna ‘āmanū bi al-qawli al-thābiti fī al-hayāti al-dunyā wa fī al- ‘ākhirati, wa yuḍillu Allāhu al-zālimīna wa yaf’alu Allāhu mā yashā’.*  
surah Ibrāhīm ayat 26<sup>5</sup>.

Yang bermaksud: “Bandangan dan perumpamaan tutur kata yang busuk itu, adalah laksana seponon kayu yang buruk menyembah ke bumi, tidaklah ada baginya berkekuatan, Allah telah menetapkan kepada orang-orang yang beriman,

itu dengan perkataan yang benar dalam kehidupan di dunia dan akhirat, dan menyesatkan orang-orang yang berlaku aniaya, Allah boleh membuat sesuatu dengan sekehendak-Nya.”

Sesungguhnya sepatah kata yang keji lagi merosakkan kebaikan hati dan amal pekerjaannya itu akan kembali kecelakaannya itu kepada diri orang itu sendiri, hasilnya segala kata-kata yang dikeluarkannya tidak lagi dapat dipercayai dan dipegangi lagi, dan manusia mula beransur menjauhkan diri daripadanya, sebab itulah Rasulullah bersabda tatkala menjawab pertanyaan yang dihadapkan kepada beliau oleh salah seorang sahabatnya yang berbunyi:

*Ahuwa muḥāsabun bi qawlih? ‘Wa hal yukabbu al-nāsu fī al-nāri ‘alā wujūhihim illā ḥaṣā’idu alsinatihim’*

Yang bermaksud: Adakah seseorang itu direkod dengan sebab katanya? “Tidaklah ia disembam dan disenyamkan<sup>6</sup> muka manusia itu ke dalam api neraka melainkan berpunca hasil kelancangan lidahnya.”

Iaitu berpunca daripada apa yang dituturkan oleh lidah mereka itu, hasil yang diperolehi dari kejahatan, kelucahan dan kecabulan yang terbit daripadanya.

4. Kemunafikan itu adalah hasil yang dibuahkan oleh kata-kata yang cabul dan keji, kerana orang munafik itu berkata-kata berlainan daripada apa yang ada di dalam hatinya, pada peringkat pertama ia hanya berpura-pura melahirkan kata-kata yang baik, bila sampai kepada puncak kedosaan dan kedurjanaan yang sudah menguasai dan menyeluruhi dirinya, membuat dia buta dan kabur melihat kebenaran, dari kerana itulah Allah mensifatkan kemunafikan itu suatu penyakit hati (jiwa), Allah telah

<sup>4</sup> Dalam teks Qalam bertulis ‘ayat 25’ sedangkan ayat sebenarnya ialah ‘ayat 24-25’

<sup>5</sup> Dalam teks Qalam bertulis ‘ayat 26’ sedangkan ayat sebenarnya ialah ‘ayat 26-27’

<sup>6</sup> Perkataan sebenar tidak dapat diteka.

menerangkan dan membayangkan dengan jelas dan terang sekali bentuk dan keadaan orang yang munafik itu dalam firman-Nya yang berbunyi:

*“fi qulūbihim marāḍun, fa zādahumu Allāhu marāḍan, wa lahum ‘adhābun ‘alīmu bi mā kānū yakdhibūn”*

Surah al-Baqarah ayat 10.

Maksudnya: “Dalam hati mereka (jiwa) memang sudah ada penyakit, maka Allah tambah lagi penyakit ke atas mereka itu, dan bagi mereka itu Allah sediakan sepedih-pedih azab sengsara, sebagai pembohongan dan pendustaan yang mereka itu telah lakukan.” Kerana orang yang munafik itu apabila sampai ke kemuncak kemunafikannya bersaranglah di dalam hatinya segala kejahatan dan kedurjanaan, pada masa itu dia tidak dapat mengelakkan dirinya daripada diserangi oleh sejenis penyakit yang sentiasa memakan dan memusnahkan segala kebaikan yang ada padanya, bila berlaku demikian maka tidaklah akan bertemu kemungkinan dan harapan lagi untuk mendapatkan kebaikan atau ubat yang akan menyembuhkannya, sekiranya orang yang syirik atau orang yang menyekutukan Tuhan ada tempoh pengakhirannya dengan penemuan keimanan yang akan membawanya ke jalan dan ke arah kebaikan dan kejayaan serta meninggalkan kejahatan dan kedurjanaan, maka kemunafikan itu tidak ada batas pengakhiran baginya melainkan menambahkan kecelakaan terhadap dirinya dan terhadap manusia seumumnya! Apa yang menyebabkan terjadi demikian? Kerana penyakit ini menyerang jiwa (hati), tidak menyerang akal fikiran, untuk mengubati akal fikiran tidaklah terlalu rumit dan sukar, jika dibandingkan dengan kesukaran dan kesulitan yang akan

ditempuh dan dihadapi dalam usaha mengubati penyakit hati (jiwa), penyekutuan itu pada kebanyakan bentuknya adalah merupakan kesesatan akal fikiran, ada pun kemunafikan itu adalah merupakan kesesatan dan kerosakan hati. Kerosakan hati adalah punca dan sumber kerosakan anggota-anggota lain, berlainan bentuknya dengan kerosakan akal fikiran, kerana ia tidak munafikan adanya kemungkinan untuk mengubahnya bila ia bersua dan bertemu dengan satu-satu keadaan justeru kerana itulah kedapatan di kalangan orang yang menyekutukan Tuhan itu beberapa sila kemanusiaan walaupun mereka itu belum lagi melepaskan diri dari penyekutuan-Nya, seperti bertutur kata dengan benar, seumpama Abu Sufyan Bin Harb, seorang panglima tentera orang-orang musyrikin, enggan dari melakukan pembohongan terhadap diri Nabi (S.A.W) ketika tanya oleh Heracle (Hercules) Raja Rom, demi menjaga kehormatan bangsa Arab seluruhnya dari tuduhan dan dari salah anggapan orang dengan sekali pembohongan yang dilakukannya, ini adalah merupakan sesuatu nilai peri kemanusiaan yang luhur yang tidak dapat diingkari dan diragui lagi, berlawanan dan berlainan dengan sifat seorang munafik, kerana kebenaran dan kemunafikan itu dua sifat yang saling bertentangan yang tidak dapat disatukan, lantaran itulah Rasulullah bersabda yang berbunyi:

*“Āyātu al-munāfiqi thalāthu, idhā ḥaddatha kadhaba, wa idhā wa‘ada akhlafa, wa idhā u‘tumina khāna”*

Ertinya: “Tanda orang munafik itu ada tiga; apabila bercakap ia berbohong, apabila berjanji ia mungkir, dan apabila dipercayai ia melakukan kecurangan.”

Apabila penyakit kemunafikan ini membanjiri satu-satu bangsa, maka lebur dan musnahlah perpaduan bangsa itu, putuslah hubungan kasih sayang dan kekerasan antara satu sama lain, bertambah besar pula kecelakaan dan kemerbahayaannya kemunafikan itu bila ia berada di sekeliling dan sekitar orang yang memegang tampuk pemerintahan, yang memberi jalan dan kesempatan kepada orang-orang munafik itu menjalankan jarumnya, atau mengambil mereka sebagai rakan persetiaan tempat menumpahkan segala rahsia dan kepercayaan. Tidak dapat disangkal lagi ini adalah merupakan pembiakan penyakit peneluran yang sangat merbahaya dan kejahatan yang sangat lekas merebaknya; sejarah menerangkan bahawa kebanyakan pemegang tampuk pemerintahan yang telah hilang dan lenyap pemerintahan dan kekuasaannya adalah berakibat dari rakan persetiaan yang curang dan pengkhianatan, kerana pemerintah tidak lagi melihat rakyatnya melainkan dari balik tabir pandangan dan gambaran orang-orang munafik, iaitu pandangan dan gambaran yang sesat lagi menyesatkan, tidak berdasar tinjauan dan pandangan yang benar dan nyata bagaimana mestinya, mereka hanya berpegang ini bergantung kepada pandangan yang digambarkan oleh hatinya yang kabur dan gelap, yang memang menjadi pegangan dan sumber ambilan kemunafikannya itu! Ini menyebabkan pemerintah itu sentiasa berada dan tenggelam kekaburan dan kesesatan, sedangkan orang-orang munafik itu sentiasa berpura-pura memperlihatkan kejahatan yang dilakukan oleh pemerintah itu adalah sesuatu yang baik dan wajar yang perlu diberi sokongan, hinggalah kepada saat hilang dan lenyapnya tampuk pemerintahan dan kekuasaannya dari permukaan dunia ini.

Dengan sebab-sebab dan angkara yang demikianlah maka agama

Islam memperingat dan mewajibkan kepada para pemegang tampuk pemerintahan agar sentiasa mengawasi dan menjauhkan diri daripada orang-orang munafik, dan menganjurkan kepada mereka itu supaya melantik dan menerima ahli-ahli fikir yang berhati bersih, berfikiran waras dan mempunyai pengamalan luas menduduki tempat-tempat yang penting, mengadakan perbincangan dan permesyuaratan dengan mereka sebelum melaksanakan satu-satu urusan dan pekerjaan, sebagaimana yang diajar dan dianjurkan oleh Tuhan yang berbunyi:

*“Wa shāwirhum fī al-’amri, fa idhā ’azzamta fa tawakkal ’alā Allāhi, inna Allāha yuḥibbu al-mutawakkilīn”*

(Surah Āli-Imrān 159)

Maksudnya: “. . . dan berunding bermesyuaratlah dengan mereka itu dalam memutuskan sesuatu perkara, sekiranya engkau telah memutuskan azam dan tekad maka berserahlah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat kasih dan mencintai orang-orang yang menyerah diri kepadaNya.”

Rasulullah (S.A.W) pernah ditanyai tentang perkataan ((azam)) atau ((memutuskan tekad)) beliau menjawab:

*“Mushāwaratu ahl al-ra’yi thumma ittibā’uhum”*

Ertinya: “Membuat perundingan dagangan dengan ahli-ahli fikir; kemudian mengikut keputusan mereka itu.”

Dan pernah pula beliau bersabda:

*“ma tashāwara qawmun illā hudū lā rushida amrahum”*

Ertinya: “Tidak ada suatu kaum kaum yang mengadakan mesyuarat kerana hendak membuat panduan bagi menyelesaikan

urusan mereka itu, melainkan mendapat pertunjuk dari

Allah.”

Ahli-ahli fikir itu tidak boleh sekali-sekali dianggap dan dimasukkan ke dalam golongan orang-orang munafik, kerana pandangan dan pemikirannya sudah menentang dan menolak tuduhan dan anggapan itu. Kemunafikan itu boleh menghilangkan keperibadian, pemikiran dan keazaman orang-orang munafik itu, yang tidak membolehkan ianya dimasukkan ke dalam kalangan ahli-ahli fikir, ahli fikir satu golongan, manakala orang-orang munafik pula merupakan satu golongan lain. Pada orang munafik itu penuh kepalsuan dan kecelakaan, tidak tahu arah dan tujuan, dan tidak sedikit pun mempunyai pandangan dan pemikiran baginya! Untuk menerangkan bentuk dan sifat orang-orang munafik itu Rasulullah telah bersabda:

*“Mathalu al-munāfiqi ka mathali al-shāti al-hā`irati ghamayni<sup>6</sup> lā tadrī ilā ayyahā tadhhabu”*

Maksudnya: “Diumpamakan orang munafik itu adalah seperti seekor kambing yang sedang tercengang dan termangu-mangu di antara dua ekor kambing lain, tak tau ia ke arah yang mana satu hendak ditujuinya.” Kalau beginilah bentuk sifatnya orang munafik itu, tentu dan nyatalah kemungkinan adanya pemikiran yang bebas dan berguna tidak wujud padanya, kerana kebebasan berfikir itu bergantung besar kepada keikhlasan dan kejujuran hati, sudah nyata dan teranglah yang orang munafik itu tidak akan dapat mempertimbangkan dan mengukur kemahuan dan keinginan orang lain betul-betul dan benar-benar menurut dan berdasarkan kepada kebenaran yang sejati.

(bersambung)

## **Pembetulan Majalah Qalam bilangan 159 keluaran**

**bulan Oktober 1963**

Dukacita yang amat sangat kami nyatakan bahawa kekhilafan yang tidak disengajakan telah berlaku pada susunan rencana-rencana dalam Majalah Qalam keluaran bulan yang lalu. Diharap kepada sidang pembaca yang meminati majalah kami, kami pohonkan maaf yang sebanyak-banyaknya di atas kekhilafan tersebut dan terima kasih atas teguran-teguran yang kami terima. Sebagai pembetulan kekhilafan-kekhilafan itu kami sebutkan sebagai berikut:

1. Rencana “Menggali Harta Pusaka Rahsia”

muka 10 bersambung ke muka 28.

2. Rencana “Islam memerlukan tenaga.....”

muka 27 bersambung ke muka 33.

Sekian dari pengarang Qalam.

### **Membetulkan salah faham:**

Untuk membetulkan nama pertubuhan Islam di Indonesia “Parti Tarikat Islam” ringkasnya “Parti” dalam rencana kita muka 13 bulan yang lalu, yang sebenarnya “Parti” itu ialah ringkasan dari “Pergerakan Tarbiah Islamiah”

**SUDAH SIAP:**

**PERSURATAN MELAYU III**

**\$7.00 sa-naskhah**

**Penerbitan Qalam:**

<sup>6</sup> Dalam teks Qalam ditulis *ghamayni* sedangkan ayat sebenarnya ialah *bayna ghanamayni*